

## PERUBAHAN PERINTAH NAFKAH ANAK MENGIKUT KEPADA KEPERLUAN SEMASA: KAJIAN DI NEGERI-NEGERI ZON UTARA

Mohd Hazwan Ismail  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
\*E-mail: hazwanismail@student.usm.my

### ABSTRAK

Nafkah wajib diikuti setelah mahkamah telah memerintahkan kepada orang yang bertanggungjawab terutama si bapa untuk melaksanakannya. Apabila mahkamah telah memerintahkan seseorang untuk menanggung nafkah anak, maka ia perlu mematuhi. Walaupun begitu, terdapat juga si bapa tidak mampu untuk menanggung nafkah yang telah diperintahkan sebelum ini. Manakala si ibu pula, memohon untuk pertambahan kadar nafkah kerana tidak mencukupi dengan keadaan semasa. Oleh yang demikian, ia memerlukan kepada perubahan perintah dan ini akan diteliti dengan sebaiknya oleh hakim mengikut kepada kadar keperluan semasa anak-anak semasa perbicaraan. Objektif kajian ini adalah untuk menilai keputusan hakim sama ada menaikkan, mengurangkan atau mengekalkan kadar jumlah nafkah. Dalam kajian ini, metodologi yang digunakan adalah kajian kepustakaan dokumen seperti kitab fiqh, statut undang-undang, artikel, jurnal dan penulisan ilmiah. Selain itu, turut digunakan metod temubual untuk menemubual pegawai-pegawai di Mahkamah Syariah negeri-negeri yang lain mengenai statistik kes pendaftaran dan penyelesaian serta huraian contoh-contoh kes. Skop dalam kajian ini melibatkan empat negeri di zon utara iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak serta statistik kajian selama tiga tahun iaitu bermula dari tahun 2018 sehingga 2020. Analisis kajian mendapati perubahan yang dimohon si ibu adalah lebih banyak kepada perubahan pertambahan nafkah anak iaitu 47% daripada pengurangan sebanyak 41% dan pengekalan hanya 12%. Ini adalah disebabkan faktor pertambahan umur anak yang semakin meningkat dan memerlukan keperluan yang sesuai.

**Kata kunci:** perubahan nafkah, nafkah anak, perundangan, Mahkamah Syariah

### PENGENALAN

Perubahan nafkah adalah melibatkan kadar bagi sejumlah amaun yang ditetapkan oleh mahkamah setelah mengambil kira keperluan berdasarkan perkembangan semasa anak-anak. Para fuqaha pelbagai mazhab tidak membincangkan secara terperinci berkenaan kadar nafkah namun ia berbalik kepada keperluan asas bagi anak-anak dan juga kemampuan bagi seseorang bapa (Muhammad al-Khatib al-Syarbaini, 2014). Ini jelas dalam surah al-Talak ayat 7, Allah berfirman yang bermaksud:

*“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); ....”* (Surah At-Talak, 65:7)

Pemberian nafkah perlu melihat kepada kemampuan dan berkeupayaan seseorang itu. Walau bagaimanapun, sekiranya nafkah yang diberi tidak mencukupi, maka ia perlu ditambah agar keperluan anak dapat dipenuhi. Fuqaha' tidak membincangkan secara terperinci mengenai kadar yang perlu ditanggung oleh si bapa kerana hakim sendiri perlu melihat kepada keterangan dan pembuktian bahawa terdapat keperluan semasa (Abd al-Karim bin Ali bin Muhammad al-Namlah, 2006). Perubahan perintah nafkah anak berlaku apabila hakim telah menetapkan kadar jumlah dalam perintah kepada si bapa, dan ia mesti dipatuhi sebagaimana Syekh Wahbah al-Zuhaili yang menyebut dalam kitabnya yang bermaksud:

*“Tidak dianggap hutang anak ke atas bapanya, kecuali diperintahkan oleh kadi atau dengan izin kadi.”* (Wahbah al-Zuhaili, 1997).

Nafkah anak akan terjadi hutang sekiranya diperintahkan oleh hakim. Oleh itu, setelah hakim mengeluarkan perintah, maka ia mesti dilaksanakan berdasarkan kadar yang telah ditetapkan oleh hakim. Kadar bermaksud nilai atau bahagian (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020) yang telah ditetapkan oleh syarak. Keperluan bagi kadar nafkah adalah merujuk kepada uruf atau kebiasaan bagi sesuatu tempat berdasarkan pendapat Al-Bugha (Al-Bugha et. al, 1998/1419).

Secara terperinci, fuqaha' tidak membincangkan mengenai kadar nafkah yang ditetapkan. Ini kerana, melalui ketetapan kadar tersebut ia mengikut kepada perbalahan atau perbincangan antara pihak-pihak yang bertikai melalui si ibu dan juga si bapa (Abd al-Karim bin Ali bin Muhammad al-Namlah, 2006). Perbalahan ini tercetus apabila dakwaan dari si ibu telah memohon diluar kemampuan si bapa. Sedangkan si bapa hanya boleh membiayai nafkah setakat kemampuannya sahaja. Walau bagaimanapun, Imam Syafie (Muhammad bin Idris al-Shafie Abu Abd Allah, 2002) mempunyai dua pandangan yang berbeza mengenai kadar nafkah. Pandangan pertama adalah *qaul qadim* yang menjelaskan bahawa kadar nafkah boleh berubah berdasarkan kepada keperluan semasa. Manakala bagi *qaul jadid* pula telah menetapkan bahawa kadar nafkah bagi orang yang miskin adalah satu *mud*. Kiraan *mud* tersebut adalah sukatan daripada orang Arab lama yang bermaksud sukatan ukuran dalam jumlah 675 gram sehingga 700 gram pada hari ini. Satu *mud* tersebut ditetapkan berdasarkan kiasan kafarah bersetubuh pada siang hari di bulan Ramadhan. Bagi orang kaya pula ditetapkan kadarnya adalah sebanyak dua *mud* yang juga dikiaskan kepada kafarah mencukur kepala sebelum menyempurnakan haji. Dan terakhir adalah kadar yang ditetapkan adalah sebanyak 1½ *mud* bagi yang hidup secara bersederhana (Muhammad bin Idris al-Shafie Abu Abd Allah, 2002).

Namun, pada hari ini di Malaysia kadar tersebut dilakukan dengan pembayaran wang dan seterusnya wang tersebut digunakan untuk membeli makanan. Dalam menentukan kadar nafkah anak tersebut, hanya hakim sahaja yang berhak untuk memberi keputusan sekiranya terdapat perbalahan antara kedua-dua pihak iaitu si ibu atau si bapa. Dalam seksyen 61 dan 62, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam memperuntukkan:

*“Pentaksiran nafkah. Pada menentukan jumlah sesuatu nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan pentaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, dengan mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.”*

Mahkamah akan menentukan kadar jumlah tersebut berdasarkan keperluan dan kemampuan si bapa. Namun, sekiranya terdapat pihak-pihak tidak berpuas hati dengan kadar tersebut seperti jumlah nafkah yang sedikit, jumlah nafkah yang melebihi kemampuannya, maka undang-undang membenarkan untuk menilai semula atau membuat perubahan perintah nafkah seperti yang dimohon oleh Pemohon dan ia perlu dimohon semula di mahkamah. Dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam juga memperuntukkan di seksyen 75 dan 76:

*“Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang yang ada mempunyai kepentingan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengubah, nafkah seseorang anak.”*

Perubahan nafkah boleh dimohon di mahkamah melalui bapa ataupun ibu. Ia bergantung kepada keperluan bagi anak-anak. Jika seseorang mempunyai kepentingan dalam membiayai anak, maka boleh dimohon di mahkamah pada bila-bila masa dengan menyertakan alasan-alasan serta pembuktian sama ada mengurangkan atau menambahkan kadar nafkah anak. Beban pembuktian mestilah disertakan apabila permohonan dibuat agar mahkamah boleh menilai tahap keperluan berdasarkan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah yang memperuntukkan:

*“Beban membuktikan tentang fakta tertentu, Beban membuktikan tentang apa-apa fakta tertentu terletak pada orang yang berkehendakkan Mahkamah mempercayai tentang kewujudan fakta itu.”*

Justeru, dalam menentukan kadar nafkah setelah dibuat perubahan perintah nafkah anak oleh Pemohon adalah hakim sendiri dengan melihat keterangan atau pembuktian yang menunjukkan bahawa nafkah anak tersebut diperlukan dengan situasi semasa. Fuqaha' tidak membincangkan secara terperinci namun hanya sekadar cadangan dengan mengkiaskan berdasarkan keperluan makanan sahaja. Namun pada hari ini, bukan setakat makanan sahaja menjadi ukuran, malah terdapat beberapa lagi item nafkah pada masa kini seiring dengan teknologi semasa yang menjadi keperluan dan nafkah tersebut dinilai dan dinyatakan dengan cara pembayaran wang.

Oleh yang demikian, objektif dalam kajian ini adalah ingin melihat sejauhmana keputusan daripada mahkamah bahawa kes yang dimohon oleh Pemohon diberi keputusan sama ada kes tersebut diputuskan dengan pertambahan kadar jumlah nafkah, dikurangkan atau dikekalkan. Hal ini kerana, tuntutan yang dimohon oleh Pemohon adalah relevan dengan permintaan atau sebaliknya. Kajian ini akan melihat kepada peratusan keputusan kes-kes yang diputuskan oleh hakim.

Manakala justifikasi pemilihan bagi kajian di zon utara ini adalah ia melihat kepada corak kehidupan dan perbelanjaan manusia. Bagi pendudukan orang Melayu yang beragama Islam, zon utara adalah lebih maju daripada zon pantai timur kerana di zon utara terdapat banyaknya bandar-bandar yang membangun. Manakala di zon selatan pula banyaknya ladang-ladang kelapa sawit yang bermula daripada utara Johor sehingga ke selatan Johor (Malaysiasite.nl, 2023).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan yang timbul dalam mengubah perintah nafkah anak adalah disebabkan ketidakcukupan kadar jumlah yang diberi pada masa ini. Banyak perubahan yang berlaku berdasarkan dengan situasi semasa. Ini disebabkan, pihak si ibu terpaksa menaikkan jumlah kadar nafkah kepada si bapa (Mohd Azlan Mohd Azhar, 2021). Contohnya perubahan nafkah apabila si anak telah memasuki di alam persekolahan. Sebelum persekolahan, nafkah yang diterima adalah munasabah setelah perbincangan yang telah diputuskan. Namun, sekiranya anak telah masuk dalam persekolahan, banyak perkara-perkara yang perlu ditambah antaranya kos pakaian, kasut, buku-buku dan keperluan wang saku harian. Justeru, perubahan ini perlu diambilkira untuk memenuhi keperluan semasa anak-anak agar anak-anak tersebut tidak terlepas dengan kehidupan zaman kini.

Permasalahan yang kedua timbul adalah si bapa tidak mampu untuk memberi nafkah setelah komitmen serta tanggungjawab bertambah. Situasi ini berlaku apabila pasangan bercerai, kemudian si bapa telah berkahwin lain dan mempunyai anak. Bekas pasangannya ataupun si ibu telah memohon untuk pertambahan nafkah namun si bapa tidak berkeupayaan menambah jumlah nafkah (Mohd Mirza Abdul Rashid, 2021). Justeru, mahkamah perlu menilai sejauhmana keperluan asas yang perlu diberi keutamaan agar si anak dapat memenuhi keperluannya dan si bapa mampu untuk menanggung nafkah tersebut.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah kaedah atau cara mengumpulkan data-data bagi menghuraikan kajian tersebut. Pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kepustakaan (Mohd Shafie Abu Bakar, 1991) yang merangkumi penghuraian dari kitab-kitab fiqh, statut perundangan, jurnal, kertas kerja dan latihan ilmiah. Selain itu, data-data statistik yang dikumpulkan (Abdul Rashid Moten, 1998) sebanyak empat negeri di zon utara yang dianalisis dan disertakan dengan contoh-contoh kajian kes yang berkaitan.

Metode seterusnya yang akan digunakan adalah metode temubual (Ahmad Sunawari Long, 2009). Metode ini melibatkan interaksi sosial bersama individu-individu bagi mendapatkan data atau maklumat sokongan. Metode temubual yang digunakan adalah kaedah yang tidak berstruktur. Oleh itu, secara tidak langsung ia dapat memberi maklumat yang sempurna bagi menjelaskan dan memantapkan kajian ini. Untuk itu, kajian ini akan menemubual empat orang pegawai Mahkamah (Therese L. Baker, 1999) sebagai wakil seorang bagi tiap-tiap negeri. Justifikasi dengan pemilihan pegawai-pegawai tersebut adalah kerana mereka mempunyai matlumat yang jelas dan terperinci berdasarkan kes-kes yang dikaitkan. D daripada keempat-empat pegawai tersebut, seorang daripadanya adalah hakim Mahkamah Syariah yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun. Manakala tiga pegawai lagi adalah Pegawai Rekod Mahkamah yang telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun. Pegawai Rekod adalah pegawai yang menyelidik fail-fail kesemua kes-kes yang diarahkan dari masa ke semasa dan selain itu turut menyusun untuk tindakan pentadbiran.

## SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian adalah kajian lepas yang telah menjalankan penyelidikan oleh pengkaji sebelumnya. Kajian tersebut telah menemukan hasil daripada topik tertentu dan menandatangani sesuatu kajian yang baru. Penyelidikan yang relevan dalam kaedah metodologi dan teori ini adalah untuk mendapatkan jurang kajian. Berikut adalah kajian-kajian tersebut:

Dalam kajian yang bertajuk “*Hak Anak Terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam: Sejauh manakah Bapa Bertanggungjawab Menanggung Nafkah Anaknya*”, (Badruddin Haji Ibrahim et. al, 2013) menjelaskan mengenai hak-hak nafkah anak menurut peruntukan undang-undang berdasarkan kelayakan, tempoh dan kewajipan-kewajipannya. Selain itu, turut dimasukkan komponen-komponen contoh kes yang memerlukan kepada tiga keperluan asas iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Walau bagaimanapun, ulama daripada fuqaha’ mazhab Imam Syafie seperti al-Syarbini dan ar-Ramli memasukkan lagi tiga keperluan utama iaitu pengajian atau pendidikan, rawatan dan kos. Menurut Zaini Nasoha (2018) pula, kajian yang dianalisis adalah bentuk-bentuk nafkah yang diluluskan oleh mahkamah yang merangkumi keperluan seperti makanan, pakaian, perbelanjaan persekolahan, perubatan dan hari raya. Hakim menilai dari sudut kemampuan dan juga keperluan bagi setiap anak. Dan keputusan hakim tidak tertakluk kepada permohonan dari Pemohon. Walau bagaimanapun, kajian di atas hanya membincangkan mengenai tuntutan nafkah anak sahaja dan ia tidak membincangkan mengenai perubahan yang telah diberi keputusan mahkamah terdahulu.

Selanjutnya adalah kajian-kajian kes daripada Jurnal Hukum mengenai tuntutan nafkah yang tidak diluluskan seperti yang dimohon oleh Pemohon. Antaranya adalah kes *Rosseliwati binti Hussein lwn. Syed Farouk Azlan bin Syed Abdul Aziz (2013)* yang mana dalam kes ini Pemohon telah memohon nafkah sebanyak RM6,260 bagi kedua-dua anak. Namun dalam keputusan hakim di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, hakim telah memerintahkan nafkah yang perlu dibayar sebanyak RM1,200 sahaja. Begitu juga dalam kes *Ezlin Erina binti Mohd Noor lwn. Samsuddin bin Jilani (2014)* di mana permohonan yang dibuat oleh Pemohon adalah RM3,000.00. Keputusan yang diterima untuk defendan melaksanakan pembayaran adalah sebanyak RM750. Keputusan yang sama dalam kes *Sarah binti Hamzah lwn. Adam Stanislaw Naglik @ Adam bin Abdullah (2018)*. Dalam kes ini Pemohon telah memohon nafkah anak kepada Mahkamah Tinggi Syariah Selangor sebanyak RM16,000. Walau bagaimanapun, hakim memberi keputusan dengan hanya membenarkan separuh daripada potongan jumlah yang dimohon iaitu RM8,000. Ketiga-ketiga kes di atas, hakim menilai dari segi keperluan *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* berdasarkan kemampuan defendan dan juga keperluan terhadap anak-anak.

Oleh itu, daripada kajian-kajian lepas telah menunjukkan terdapatnya kelompongan yang boleh diisi dengan kajian ini. Kajian ini akan membahaskan mengenai perintah nafkah dengan kadar yang telah sedia ada kepada perubahan kadar yang lain yang merangkumi jumlah nafkah sama ada pertambahan, pengurangan dan juga mahkamah mengekalkan perintah yang asal. Dan kajian ini juga diskopkan batasan kajian di empat negeri zon utara di Malaysia serta menganalisis data-data yang dikumpulkan.

## DATA STATISTIK DAN PERBINCANGAN

Kajian berbentuk kuantitatif di mana data-data yang dikumpulkan dan dianalisis bagi setiap negeri di zon utara iaitu negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak bermula daripada tahun 2018 sehingga tahun 2020 yang telah didaftarkan kes perubahan perintah nafkah anak di mahkamah. Data-data tersebut disenarai sebagaimana jadual di bawah adalah seperti berikut:-

Jadual 1: Data Statistik Pendaftaran Kes Perubahan Perintah Nafkah Anak

Negeri	Pendaftaran Kes Tahun		
	2018	2019	2020
Perlis	12	8	9
Kedah	41	52	25
Pulau Pinang	17	20	27
Perak	68	84	47
<b>Jumlah</b>	<b>138</b>	<b>164</b>	<b>108</b>

Jadual di atas menunjukkan pendaftaran kes di empat negeri di zon utara iaitu negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Pendaftaran kes bermula dari tahun 2018 sehingga tahun 2020. Bagi negeri Perlis, pendaftaran kes adalah sebanyak 12 kes sahaja. Kemudian pada tahun 2019 menunjukkan menurun iaitu pendaftaran sebanyak 8 kes. Pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan sebanyak 1 kes dan menjadikan pendaftaran bagi tahun 2020 adalah sebanyak 9 kes. Bagi negeri Kedah pula menunjukkan pendaftaran kes pada tahun 2018 adalah sebanyak 41 kes. Tahun 2019 adalah sebanyak 52 kes dan tahun 2020 menunjukkan penurunan sebanyak 25 kes sahaja.

Seterusnya Pulau Pinang menunjukkan pendaftaran kes adalah sebanyak 17 kes, diikuti tahun 2019 sebanyak 20 kes dan tahun 2020 adalah sebanyak 27 kes. Manakala bagi negeri Perak pula, tahun 2018 menunjukkan pendaftaran sebanyak 68 kes, tahun 2019 pula adalah sebanyak 84 kes dan tahun 2020 menunjukkan penurunan sebanyak 47 kes.

Selepas pendaftaran di mahkamah, kes-kes tersebut akan memulakan prosiding mengikut kepada prosedur yang telah ditetapkan. Terdapat kes yang berjaya diselesaikan antaranya seperti selesai dengan persetujuan bersama, selesai dengan penghakiman hakim, selesai dengan tarik balik kes dan selesai dengan tidak berjaya atau tidak hadir bagi salah satu pihak atau kedua-dua pihak. Selain itu, terdapat juga kes yang belum selesai dan masih dalam prosiding mahkamah. Daripada jumlah keseluruhan pendaftaran perubahan perintah nafkah anak yang difailkan di mahkamah, berikut adalah status bagi keseluruhan setiap pendaftaran sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 2: Status Bagi Kes Perubahan Perintah Nafkah Anak di Perak

Status Kes yang Didaftarkan	Tahun		
	2018	2019	2020
Selesai Persetujuan Bersama	12	17	13
Selesai Melalui Penghakiman Hakim	6	3	6
Selesai dengan Tarik Balik Kes	10	13	2
Selesai dengan Tidak Berjaya / Tidak Hadir	32	32	8
Kes Masih Dalam Prosiding	8	19	18
<b>Jumlah Kes</b>	<b>68</b>	<b>84</b>	<b>47</b>

Sumber: Laman sesawang e-syariah.gov.my, JKSN Perak

Bagi negeri Perak, jumlah keseluruhan kes pada tahun 2018 adalah sebanyak 68 kes. Ini termasuk selesai persetujuan bersama sebanyak 12 kes, selesai melalui penghakiman hakim sebanyak 6 kes, selesai dengan tarik balik kes sebanyak 10 kes, selesai dengan tidak berjaya atau tidak hadir sebanyak 32 kes dan kes masih dalam prosiding sebanyak 8 kes. Manakala tahun 2019 dan 2020 masing-masing menunjukkan selesai dengan persetujuan bersama sebanyak 17 dan 13 kes, selesai melalui penghakiman hakim sebanyak 3 dan 6 kes, selesai dengan tarik balik kes sebanyak 13 dan 2 kes. Dalam kes *Habsah lwn Asri (2019)* menunjukkan kes ditarik balik kerana pihak si bapa langsung tidak memberi kerjasama untuk hadir ke mahkamah. Sebelum mahkamah mengeluarkan perintah penyelesaian dengan ketidakhadiran pihak-pihak, Pemohon terlebih dahulu memfailkan permohonan tarik balik kes. Oleh itu, kes tersebut dijustifikasikan sebagai status kes tarik balik. Seterusnya dalam status kes adalah selesai dengan tidak berjaya atau tidak hadir sebanyak 32 dan 8 kes dan kes masih dalam prosiding sebanyak 19 dan 18 kes. Ini menjadikan jumlah keseluruhan bagi tahun 2019 adalah sebanyak 84 kes dan 2020 adalah sebanyak 47 kes (Mohd Azlan bin Mohd Azhar, 2021).

Jadual 3: Status Bagi Kes Perubahan Perintah Nafkah Anak di Kedah

Status Kes yang Didaftarkan	Tahun		
	2018	2019	2020
Selesai Persetujuan Bersama	7	11	3
Selesai Melalui Penghakiman Hakim	2	4	0
Selesai dengan Tarik Balik Kes	7	4	2
Selesai dengan Tidak Berjaya / Tidak Hadir	17	17	8
Kes Masih Dalam Prosiding	8	16	12
<b>Jumlah Kes</b>	<b>41</b>	<b>52</b>	<b>25</b>

Sumber: Laman sesawang e-syariah.gov.my, JKSN Kedah

Status kes di negeri Kedah pula menunjukkan jumlah keseluruhan bagi tahun 2018 adalah sebanyak 41 kes, tahun 2019 sebanyak 52 kes dan tahun 2020 sebanyak 25 kes. Pecahan daripada jumlah keseluruhan tersebut menunjukkan bagi status selesai dengan persetujuan bersama adalah sebanyak 7 kes pada tahun 2018, 11 kes pada tahun 2019 dan 3 kes pada tahun 2020. Antara salah satu contoh kes adalah *Tasha lwn Shahril (2018)* yang menunjukkan kes berjaya diselesaikan secara persetujuan bersama. Status kes yang kedua pula ialah selesai melalui penghakiman hakim yang menunjukkan pada tahun 2018 adalah sebanyak 2 kes, tahun 2019 sebanyak 4 kes dan tidak sebarang kes pada tahun 2020. Selesai dengan tarik balik kes pula menunjukkan tahun 2018 adalah sebanyak 7 kes, tahun 2019 sebanyak 4 dan tahun 2020 sebanyak 2 kes. Status yang paling banyak kes dalam jadual tersebut dengan jumlah masing-masing sebanyak 17 kes ialah pada tahun 2018 dan 2019 yang menunjukkan penyelesaian kes dengan tidak berjaya atau ketidakhadiran pihak-pihak. Manakala tahun 2020 pula sebanyak 8 kes. Dan terakhir status kes masih dalam prosiding mahkamah dengan jumlah 8 kes ialah pada tahun 2018, 16 kes pada tahun 2019 dan 2020 menunjukkan kes masih prosiding adalah sebanyak 12 kes. Contoh kes yang masih dalam prosiding bagi tahun 2020 adalah kes *Zawati lwn Malik (2020)*. Kes tersebut masih lagi di peringkat perbicaraan untuk pihak-pihak memberi keterangan serta pembuktian di mahkamah (Mohd Syahzali bin Ramle, 2021).

Jadual 4: Status Bagi Kes Perubahan Perintah Nafkah Anak di Pulau Pinang

Status Kes yang Didaftarkan	Tahun		
	2018	2019	2020
Selesai Perseetujuan Bersama	7	9	6
Selesai Melalui Penghakiman Hakim	1	1	4
Selesai dengan Tarik Balik Kes	4	1	2
Selesai dengan Tidak Berjaya / Tidak Hadir	5	6	4
Kes Masih Dalam Prosiding	0	3	11
<b>Jumlah Kes</b>	<b>17</b>	<b>20</b>	<b>27</b>

Sumber: Laman sesawang e-syariah.gov.my, JKSN Pulau Pinang

Pendaftaran kes yang meningkat bagi setiap tahun adalah negeri Pulau Pinang yang menunjukkan status dengan penyelesaian persetujuan bersama adalah sebanyak 7 kes pada tahun 2018, meningkat kepada 2 kes pada tahun berikutnya iaitu 9 kes dan tahun 2020 menunjukkan penurunan iaitu sebanyak 6 kes. Bagi status kes dengan penyelesaian melalui penghakiman hakim menunjukkan angka dengan masing-masing 1 kes pada tahun 2018 dan 2019. Pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan kes dengan sebanyak 4 kes. Kemudian diikuti dengan penyelesaian kes dengan tarik balik iaitu sebanyak 4 kes tahun 2018, 1 kes tahun 2019 dan 2 kes pada tahun 2020. Penyelesaian kes dengan tidak berjaya menunjukkan 5 kes pada tahun 2018, 6 kes pada tahun 2019 dan 4 kes pada tahun 2020. Dan terakhir adalah kes masih dalam prosiding di mahkamah yang menunjukkan tiada sebarang kes pada tahun 2018 dan satu-satunya negeri yang berjaya menyelesaikan kesemua kes. Namun pada tahun 2019 menunjukkan kes masih dalam prosiding adalah sebanyak 3 kes dan tahun 2020 adalah sebanyak 11 kes (Badrul Hisham bin Ghani, 2021).

Jadual 5: Status Bagi Kes Perubahan Perintah Nafkah Anak di Perlis

Status Kes yang Didaftarkan	Tahun		
	2018	2019	2020
Selesai Perseetujuan Bersama	1	3	3
Selesai Melalui Penghakiman Hakim	0	1	2
Selesai dengan Tarik Balik Kes	2	0	2
Selesai dengan Tidak Berjaya / Tidak Hadir	6	2	1
Kes Masih Dalam Prosiding	3	2	1
<b>Jumlah Kes</b>	<b>12</b>	<b>8</b>	<b>9</b>

Sumber: Laman sesawang e-syariah.gov.my, JKSN Perlis

Dan negeri yang terakhir dalam zon utara dalam kajian ini adalah negeri Perlis. Pada tahun 2018, status kes dalam penyelesaian persetujuan bersama adalah sebanyak 1 kes, tiada sebarang kes dalam penyelesaian melalui penghakiman hakim, 2 kes selesai dengan tarik balik, 6 kes ketidakhadiran pihak-pihak dan 3 kes masih prosiding di mahkamah. Tahun 2019 pula menunjukkan keseluruhan kes sebanyak 8 kes iaitu paling sedikit antara keempat-empat negeri. Kes yang telah selesai dengan persetujuan bersama adalah sebanyak 3 kes. Antara contoh kes yang diselesaikan persetujuan bersama adalah *Shafiq lwn Shafinas (2019)* di mana kes ini berjaya diselesaikan secara persetujuan bersama di Mahkamah Rendah Syariah Kangar. Seterusnya penyelesaian dengan penghakiman hakim adalah 1 kes, 0 kes bagi keputusan tarik balik dan masing-masing dengan 2 kes iaitu selesai dengan tidak berjaya dan kes masih dalam prosiding. Manakala tahun 2020 menunjukkan 3 kes selesai dengan persetujuan bersama iaitu salah satunya adalah kes *Zaki lwn Salmah (2020)* yang telah diselesaikan secara persetujuan bersama pada 7hb September 2020. Diikuti masing-masing dengan 2 kes iaitu selesai melalui penghakiman hakim dan selesai dengan tarik balik kes dan juga masing-masing dengan 1 kes iaitu selesai dengan tidak berjaya dan kes masih dalam prosiding di mahkamah (Mohd Dzuhaili bin Mohd Dzakwan, 2021).

\* \* \*

Daripada kelima-lima status yang disenaraikan setiap negeri, kes yang berjaya diselesaikan dengan perubahan perintah adalah dua status sahaja iaitu kes selesai dengan persetujuan bersama dan juga kes selesai dengan penghakiman hakim. Kes selesai dengan persetujuan bersama adalah perbincangan antara kedua-dua pihak atau bersama peguam sebelum kes tersebut dibawa di hadapan hakim. Selepas kedua-dua pihak mencapai persetujuan bersama, maka pihak-pihak yang terlibat akan memperakukan atau mengendorskan perjanjian tersebut di hadapan hakim. Hakim akan mengeluarkan perintah yang bermeterai serta dicop bahawa perintah itu berkuatkuasa dengan serta merta. Manakala bagi kes yang tidak berjaya, maka perbincangan akan dilakukan di hadapan hakim dan hakim akan mengeluarkan keputusannya hasil daripada perbincaraan.

Justeru itu, penyelesaian kes dengan perubahan perintah nafkah anak dilihat dengan persetujuan bersama dan juga penghakiman hakim. Ia juga membawa maksud penyelesaian yang mesti kepada kehadiran kedua-dua pihak. Maka dengan itu, jumlah keseluruhan kes bagi keempat-empat negeri di zon utara bermula dari tahun 2018 sehingga 2020 adalah sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 6: Kes Selesai Dengan Kehadiran Kedua-dua Pihak di Keseluruhan Negeri Zon Utara

Tahun	Kes Selesai	Jumlah	Jumlah Keseluruhan
2018	Persetujuan Bersama	27	36
	Penghakiman Hakim	9	
2019	Persetujuan Bersama	40	49
	Penghakiman Hakim	9	
2020	Persetujuan Bersama	25	37
	Penghakiman Hakim	12	
<b>Jumlah</b>			<b>122</b>

Jadual di atas menunjukkan penyelesaian kes dengan kehadiran kedua-dua pihak setelah digabungkan keempat-empat negeri dengan kes berjaya diselesaikan secara persetujuan bersama dan penghakiman hakim. Pada tahun 2018 menunjukkan jumlah bagi keseluruhan kes yang berjaya diubah perintah nafkah anak adalah sebanyak 36 kes. Pada tahun 2019 menunjukkan peningkatan penyelesaian kes iaitu sebanyak 49 kes dengan dipecahkan penyelesaian melalui persetujuan bersama adalah sebanyak 40 kes dan penghakiman hakim sebanyak 9 kes. Dan tahun terakhir dalam kajian ini adalah tahun 2020 menunjukkan penurunan penyelesaian kes disebabkan sektor kerajaan terpaksa ditutup kerana negara dilanda pandemik covid-19 (Berita Harian, 2020). Dan jumlah keseluruhan pada tahun tersebut adalah sebanyak 37 kes. Ini menunjukkan keseluruhan bagi ketiga tahun iaitu bermula dari tahun 2018 sehingga 2020 adalah sebanyak 122 kes yang berjaya diselesaikan.

## DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati, daripada 122 kes yang berjaya diselesaikan, terdapat tiga keputusan penghakiman yang diperintahkan oleh hakim. Antaranya adalah perintah tersebut diubah dengan penambahan kadar jumlah nafkah, kekurangan kadar jumlah nafkah dan jumlah nafkah dikekalkan seperti perintah yang sedia ada. Antara tiga keputusan penghakiman tersebut, ia terbahagi pecahan jumlah keseluruhan sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 7: Jumlah Keputusan Penghakiman Kes Perubahan Perintah

Jumlah Kes	Keputusan Penghakiman	Jumlah
122	Tambah	56
	Kurang	48
	Kekal	18

Keputusan penghakiman yang paling banyak adalah pertambahan kadar jumlah nafkah iaitu sebanyak 56 kes. Ia diikuti keputusan penghakiman dengan pengurangan kes sebanyak 48 kes dan perintah yang dikekalkan dengan jumlah nafkah terdahulu hanya 18 kes sahaja yang menjadikan keseluruhan kes adalah sebanyak 122 kes.

Keputusan penghakiman dengan pertambahan perubahan kadar perintah nafkah anak dapat dilihat dalam kes *Norastida lwn Arshad (2020)* di mana kes tersebut didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara. Perubahan kadar perintah nafkah anak ditambah daripada RM250 sebulan kepada RM300 sebulan dengan seorang anak. Keputusan ini adalah berdasarkan dari persetujuan bersama antara kedua-dua pihak. Selain itu, terdapat juga keputusan mahkamah yang telah meluluskan permohonan dari Pemohon yang telah memohon dari jumlah asal berjumlah RM400 sebulan yang telah diperintahkan pada tahun 2018 kepada RM650 sebulan pada tahun 2020. Perkiraan tersebut diteliti dan diputuskan untuk pembayaran si bapa kepada empat orang anaknya. Kes ini diputuskan dengan persetujuan bersama antara *Syazwani lwn Marzuki (2020)* juga di Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara.

Contoh kes yang lain adalah *Fazila lwn Rizal (2019)*. Kes ini difailkan oleh Pemohon iaitu si ibu. Pemohon telah memohon pertambahan nafkah anak dan juga pertambahan bagi perbelanjaan persekolahan untuk dua orang anak. Permohonan nafkah anak yang dimohon oleh pemohon adalah RM1,000 daripada RM700 sebulan dan juga perbelanjaan persekolahan sebanyak RM1,800 daripada RM1,000 setahun dari perintah terdahulu iaitu tahun 2017. Dalam keputusan kes tersebut, mahkamah hanya meluluskan permohonan dengan menaikkan sedikit jumlah kos persekolahan anak-anak sahaja iaitu daripada RM1,000 setahun kepada RM1,500 setahun dan menolak permohonan dari Pemohon yang memohon sebanyak RM1,800. Pertambahan ini disebabkan kedua-dua anak tersebut telah memasuki sekolah menengah. Sekolah menengah memerlukan kos yang tinggi berbanding kos sekolah rendah. Antara kos-kos bagi perbelanjaan awal persekolahan adalah baju, seluar, beg, kasut dan sebagainya. Selain itu, ada juga kes di mana mahkamah memasukkan terma-terma lain seperti kos rawatan anak, insuran bulanan anak-anak, (*Shahril lwn Huda, 2009*) kos pelancongan dan juga kos pengangkutan. (*Yusof lwn Zaharah, 2011*).

Namun, terdapat juga kes pertambahan item dalam perubahan perintah nafkah anak seperti perbelanjaan persekolahan dan perbelanjaan hari raya yang pada perintah asalnya tidak dimasukkan. Kes ini dirujuk di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut iaitu *Saiful lwn Aminah (2018)*. Mahkamah telah memerintahkan kepada si bapa untuk menyediakan perbelanjaan persekolahan sebanyak RM150 setahun dan perbelanjaan hari raya sebanyak RM200 setahun kepada seorang anak. Walaupun mahkamah telah menambahkan item perbelanjaan tersebut, namun mahkamah juga meluluskan permohonan si bapa iaitu Pemohon untuk mengurangkan kadar nafkah bulanan iaitu daripada RM300 sebulan kepada RM230 sebulan.


Seterusnya keputusan penghakiman yang kedua tertinggi adalah pengurangan kadar perubahan perintah nafkah anak. Contoh bagi kes pengurangan kadar nafkah yang telah diperintahkan sebelumnya adalah kes *Jahari lwn Aliza (2019)* yang telah didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah Seri Manjung. Pada tahun 2018, hakim telah mengeluarkan perintah nafkah anak berjumlah RM4,500 sebulan yang perlu dibayar kepada tiga orang anaknya. Pemohon telah memfailkan perubahan perintah nafkah tersebut dan masing-masing mencapai persetujuan bahawa kadar nafkah tersebut dikurangkan kepada RM2,000 sebulan. Dan pembayaran tersebut berkuatkuasa pada bulan Jun 2019.

Antara faktor pengurangan tersebut adalah kerana pertambahan usia kanak-kanak ke peringkat dewasa. Hal ini merujuk kepada seksyen 80 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam yang menjelaskan nafkah terhenti setakat umur 18 tahun atau sehingga anak melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama. Ini menunjukkan, sekiranya pasangan tersebut mempunyai dua orang anak contohnya dengan masing-masing nafkah sebanyak RM400 sebulan dan menjadikan RM800 sebulan, maka pengurangan akan dilakukan dengan menolak seorang daripada anak tersebut atau RM400 setelah mencapai umur 18 tahun. Manakala seorang anak lagi diteruskan pembayaran sehingga anak itu mencapai umur 18 tahun atau melanjutkan pelajaran.

Disamping itu, terdapat juga kes yang dikekalkan kadar jumlahnya walaupun ada pihak-pihak yang memfailkan perubahan perintah nafkah anak. Sebagaimana jadual di atas, hanya 18 kes sahaja yang difailkan bagi negeri-negeri di zon utara. Contoh kes mahkamah yang mengekalkan perintah yang lama adalah kes *Munirah lwn Shuhaimi (2019)* yang difailkan di Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah. Pada 28hb November 2019, mahkamah telah mengeluarkan perintah nafkah anak berjumlah RM400 sebulan bagi seorang anak bermula bulan Disember 2019 yang perlu dibayar oleh si bapa. Perintah asal adalah bertarikh 17hb Oktober 2016. Pemohon yang memfailkan perintah perubahan nafkah anak tersebut adalah disebabkan Pemohon telah memohon kepada mahkamah untuk dilaksanakan pembayaran secara potongan gaji. Oleh sebab itu, mahkamah telah meluluskan permohonannya dan potongan gaji dimasukkan dalam terma perintah tersebut yang beralamat di Rejimen Semboyan Divisyen Kedua, Kem Sungai Ara, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Perintah tersebut berkuatkuasa bermula November tahun 2019. Pengekalan kadar nafkah bukanlah disebabkan perubahan pada jumlah nafkah, tetapi lebih kepada kuatkuasa perintah yang lebih berkesan secara pentadbiran untuk pembayaran kepada si anak.

Daripada keseluruhan kes yang disenaraikan jadual di atas, jelas menunjukkan kadar pertambahan nafkah anak lebih banyak daripada pengurangan dan juga pengekalan. Oleh itu, peratusan keseluruhan perubahan perintah nafkah anak dapat dilihat seperti carta dibawah:

Rajah 1: Peratusan Keputusan Penghakiman Kes Perubahan Perintah



Daripada keseluruhan peratusan tersebut, jelas menunjukkan perubahan perintah nafkah anak lebih mendominasi dalam masyarakat di negeri-negeri zon utara adalah pertambahan kadar nafkah iaitu sebanyak 47% berbanding pengurangan sebanyak 41% dan pengekalan perubahan perintah nafkah anak sebanyak 12%. Perubahan pertambahan tersebut berlaku disebabkan majoritinya adalah anak yang semakin membesar dan memerlukan kepada kos pendidikan. Pendidikan seperti persekolahan dan juga institut pendidikan tinggi memerlukan kos-kos yang lain seperti pakaian, beg, buku-buku, pengangkutan bas sekolah dan sebagainya bagi memenuhi keperluan yang sempurna. Ini kerana, pendidikan yang sempurna boleh melahirkan insan yang lebih berkualiti (Mstar.com.my, 2011). Selain daripada pendidikan, anak-anak juga memerlukan kos rawatan bagi menjaga kesihatan. Dan hakim membenarkan dengan kemasukan kos rawatan dan insuran ke dalam perintah nafkah. Disamping itu juga, terdapat kes yang dimohon oleh Pemohon supaya memasukkan kos pelancongan. Ini kerana, pelancongan dapat memberi ketenangan minda serta boleh menghilangkan tekanan. Pelancongan juga dapat meningkatkan kualiti minda, tenaga badan dan kesejahteraan kesihatan (Mohamad Zaki Ahmad, et. al, 2010) serta psikologi (Siti Marziah Zakaria, et. al, 2019). Maka hakim juga telah membenarkan permohonan tersebut.

Daripada keperluan asas yang diketahui secara umum iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal, maka hakim telah menilai dan memperhalusi bagi setiap keperluan semasa sesuai dengan peredaran waktu. Ini disebabkan, sekiranya hakim tidak membenarkan segala permohonan tersebut, dikhuatiti akan mendatangkan darurat kepada anak tersebut. Maka dengan itu, hakim telah berpandukan dengan kaedah fiqh yang menjelaskan yang bermaksud:

“*Mana-mana kejadian terbaru mestilah dianggap seperti berlakunya pada masa yang terdekat dengan masa sekarang.*” (Ibn Nujaim, 2010).

Oleh yang demikian, setiap kejadian yang terbaru mestilah diambilkira akan kepentingan pada masa kini dan juga kesan pada masa akan datang terhadap anak tersebut. Dan sekiranya pada sesuatu tempat tersebut telah dijadikan kebiasaan tentang kehidupan dalam masyarakat, maka ia akan menjadi rujukan hukum (Ab Rahim Md Arshad, et. al, 2016). Ini juga bertetapan dengan kaedah fiqh iaitu yang bermaksud:

“*Adat dijadikan rujukan hukum.*” (Al-Burnu, Muhammad Sidqi bin Ahmad, 1982).

Justeru, perubahan perintah nafkah anak ini melihat kepada kemaslahatan masyarakat masa kini. Sekiranya kemaslahatan berubah, maka hukum juga turut berubah atas dasar kemaslahatan tersebut. Apabila berubahnya dengan keadaan masa, maka akan berubah kemaslahatan bersesuaian dengan keadaan masa. Dan keperluan tersebut tidak bertentangan dengan syarak maka hakim boleh menjadikan hukum tersebut sebagai keperluan (Al-Burnu, Muhammad Sidqi bin Ahmad, 1982).

## KESIMPULAN

Perubahan nafkah terkait dengan kadar jumlah. Kadar nafkah tidak dijelaskan secara terperinci oleh fuqaha' dan hanya membincangkan mengenai panduan atau cadangan dalam menentukan kadar nafkah tersebut. Walau bagaimanapun, kadar nafkah yang telah diperintahkan tersebut boleh diubah dengan cara memohon semula di mahkamah. Dalam membuat permohonan di mahkamah, hakim akan menilai semula dan boleh diperintahkan sama ada perubahan tersebut berjaya diubah dengan menaikkan kadar jumlah, mengurangkan kadar jumlah dan juga boleh mengekalkan kadar jumlah seperti sebelumnya.

Dalam kajian di keempat-empat negeri di zon utara Malaysia, jelas menunjukkan bahawa peratusan tertinggi dalam perubahan perintah nafkah anak adalah pertambahan jumlah kadar nafkah anak. Perubahan tersebut dilihat pertambahan nafkah anak adalah sebanyak 47% berbanding pengurangan kadar jumlah nafkah yang hanya 41% serta pengekalan jumlah kadar nafkah anak hanyalah 12%. Ini menunjukkan kos semakin bertambah dan keperluan semakin berkembang seiring dengan teknologi semasa. Pertambahan ini juga dinilai bahawa secara majoritinya si bapa berkemampuan untuk menyara anak-anaknya. Ini juga menunjukkan bahawa ekonomi bagi negara masih terkawal dan sekaligus dapat memberi jaminan bahawa anak-anak boleh hidup dengan sempurna serentak dengan perkembangan semasa.

## RUJUKAN

- Ab Rahim Md Arshad & W Zainuzzaman Wan Abdullah. (2016). *Memahami Usul Fiqh Dan Qawaid Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: Tech Production.
- Abd al-Karim bin Ali bin Muhammad al-Namlah. (2006). *Taisir Masail al-Fiqh Syarh al-Raud al-Marba'*. Kaherah: Maktabah al-Rush. Hlm 675.
- Abdul Rashid Moten. 1998. *A Guide To Research Proposal And Report Writing*. Selangor: Research Centre International Islamic University, Malaysia.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Al-Burnu, Muhammad Sidqi bin Ahmad. (1982). *Al-Wajiz Fi 'Iddah Qawaid Al-Fiqh Al-Kulliyah*. Riyadh: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Jarjaniy, 'Ali ibn Muhammad ibn 'Ali. (1999). *Al-Ta'rifat*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Khin, Mustaffa, Al-Bugha al-Syarbajiy. (1998/1419). *Al-Fiqh al-Manhaj al-Madhab al-Imam al-Syafiyy, Ahkam al-Usrah wa Mulhaqatuha al-Ahwal al-Syakhsiyyah, Juz 2*. Beirut: Dar al-Qalam. Hlm 165.
- Badruddin Haji Ibrahim dan Azizah Mohd. (2013). *Hak Anak Terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam: Sejauh manakah Bapa Bertanggungjawab Menanggung Nafkah Anaknya*. 25 Kanun (2): IIUM. 255-272.
- Berita Harian. 16 Mac 2020. *Covid 19: Kerajaan Umum Perintah Pergerakan Kawalan Mulai Rabu*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665949/covid-19-kerajaan-umum-perintah-kawalan-pergerakan-mulai-rabu>
- Ezlin Erina binti Mohd Noor lwn. *Samsuddin bin Jilani*, (2014) 39 JH 253
- Fazila lwn Rizal (2019), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara. No. Kes Mal: 258/2019.
- Habsah lwn Asri (2019), Mahkamah Rendah Syariah Ipoh. No. Kes Mal: 1150/2019.
- Ibn Nujaim. (2010). *Al-Ashbah Wa Al-Nazair*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Jahari lwn Aliza (2019), Mahkamah Rendah Syariah Seri Manjung. No. Kes Mal: 147/2019
- Laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka*, dicapai pada 27 Februari 2020, entri “kadar”, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kadar>.
- Laman sesawang, <https://www.malaysiasite.nl/westcoastms.htm>, yang dicapai pada 20 Mac 2023.
- Mohamad Zaki Ahmad, Johan Afendi Ibrahim & Hood Mohd. Salleh. (2010). *Pelancongan Kesihatan Sebagai Sumber Pendapatan Negara: Potensi, Impak Dan Cabaran*. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke V (PERKEM V), Inovasi dan Pertumbuhan Ekonomi, Jilid 2: Port Dickson. 15-17 Oktober 2010.
- Mohd Shafie Abu Bakar. 1991. *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan, edisi kedua*. Bangi: UKM



- Mstar.com.my. 7 September 2011. *Shafnie Pinjam Duit Kerana Nafkah Anak Tidak Cukup*.  
<https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2011/09/07/shafnie-pinjam-duit-kerana-nafkah-anak-tidak-cukup>
- Muhammad al-Khatib al-Syarbaini. (2014). *Mughni al-Muhtaj fi Fiqhi al-Munakahat*. Johor: Perniagaan Jahabersa
- Muhammad bin Idris al-Shafie Abu Abd Allah. (2002). *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Hlm 128-129
- Munirah lwn Shuhaimi (2019)*, Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah. No. Kes Mal: 783/2019
- Noraslida lwn Arshad (2020)*, Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara. No. Kes Mal: 335/2020
- Rosseliwati binti Hussein lwn. Syed Farouk Azlan bin Syed Abdul Aziz*, (2013) 36 JH 100
- Saiful lwn Aminah (2018)*, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut. No. Kes Mal: 227/2018
- Sarah binti Hamzah lwn. Adam Stanislaw Naglik @ Adam bin Abdullah*, (2018) 46 JH 145
- Seksyen 62 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Seksyen 62 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004, Seksyen 62 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 dan Seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991.
- Seksyen 75 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, Seksyen 79 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004 dan Seksyen 75 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 1989.
- Seksyen 76 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Seksyen 76 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004, Seksyen 76 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 dan Seksyen 75 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991.
- Shafiq lwn Shafinas (2019)*, Mahkamah Rendah Syariah Kangar. No. Kes Mal: 359/2019.
- Shahril lwn Huda (2009)*, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut. No. Kes Mal: 647/2008.
- Siti Marziah Zakaria, Nurul Shafini Shafurdin, Noremy Md. Akhir, Suzana Mohd Hoesni & Jamiah Manap. (2019). *Cabaran Hidup Ibu Tunggal: Kesan Terhadap Kesejahteraan Emosi*. International Journal of Education, Psychology and Counseling, Vol 4, Issues 24.
- Syazwani lwn Marzuki (2020)*, Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara. No. Kes Mal: 381/2020
- Tasha lwn Shahril (2018)*, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar. No. Kes Mal: 228/2018.
- Therese L. Baker. 1999. *Doing Social Research, 3rd ed.* United States of America: Mc Grew Hill.
- Tuan Badrul Hisham bin Ghani, Pegawai Rekod, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. 19 Jun 2021, jam 1.59 petang.
- Tuan Mohd Azlan bin Mohd Azhar, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Seri Manjung, Perak. 26 Jun 2021, jam 2.49 petang.
- Tuan Mohd Dzuhaili bin Mohd Dzakwan, Pegawai Rekod Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis. 23 Julai 2021, jam 10.20 pagi.
- Tuan Mohd Mirza bin Abdul Rashid, Pegawai Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. 20 Mac 2021, jam 10.40 pagi.
- Tuan Mohd Syahzali bin Ramle, Pegawai Rekod, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah. 12 Julai 2021, jam 4.40 petang.
- Wahbah al-Zuhaili. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa A'dillatuh, jilid 7*. Damsyik: Dar al-Fikr. Hlm 829.
- Yusof lwn Zaharah (2011)*, Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. No. Kes Mal: 46/2011
- Zaini Nasoha. (2018). *Analisa Keputusan Mahkamah Syariah Dalam Penentuan Kadar Dan Bentuk Nafkah*. Proceedings 3<sup>rd</sup> International Seminar On Islamic Thought.
- Zaki lwn Salmah (2020)*, Mahkamah Rendah Syariah Kangar. No. Kes Mal: 440/2019.
- Zawati lwn Malik (2020)*, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Muda. No. Kes Mal: 798/2020.